

MANIFESTO BN
BERSAMA BN HEBATKAN NEGARAKU

PESARA kerajaan dan anak mereka layak membeli unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPAIM) berharga antara RM150,000 dan RM300,000.



PERMUDAH PINJAMAN

■ **Tubuh bank khusus sebagai entiti tunggal selaras inisiatif perumahan untuk rakyat**

Kuala Lumpur

Penubuhan bank khusus bagi memudahkan pinjaman perumahan mampu milik dan kos rendah pada harga RM300,000 ke bawah adalah intipati Teras 3, Perumahan Keperluan Rakyat.

Dalam teras itu turut menggariskan usaha mewujudkan entiti tunggal untuk menyelaras keseluruhan inisiatif perumahan mampu milik termasuk memantau proses pembinaan, sekali gus menutup kelompangan dalam sistem sedia ada.

Usaha berkenaan dibuat menerusi penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) yang bertujuan mengawal selia, mengurus isu perumahan awam mencakupi kualiti perumahan, keperluan semasa dan penentuan kelayakan menduduki.

Selain itu, beberapa inisiatif menyentuh sektor perbankan, syarikat utiliti dan proses perolehan kediaman dimasukkan seperti pemberian insentif cukai atau dana pembangunan bagi menggalakkan bank dan pemaju perumahan menawarkan skim sewa-untuk-beli.

Kajian semula struktur caj utiliti yang dikenakan Telekom, Indah Water Konsortium (IWK) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) ter-

hadap pemaju perumahan dilaksanakan dalam merangka kos pembinaan kediaman.

Selaras usaha merungkil masalah berbangkit, had tututan menerusi kuasa Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) ditingkatkan daripada RM50,000 kepada RM100,000.

Kuasa kerajaan turut diperluaskan untuk menghidupkan semula projek perumahan terbengkalai daripada had asal RM70,000 kepada RM120,000. Ia membabitkan 21 projek terbengkalai dan 2,794 unit dengan peruntukan RM123 juta.

Penjawat awam turut ditawarkan skim bantuan sewaan perumahan awam bagi membantu penyewa dalam kategori miskin dan orang kelainan upaya (OKU).

Peluang dibuka kepada pesara kerajaan dan anak mereka untuk membeli unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPAIM) berharga antara RM150,000 hingga RM300,000 selain mewujudkan kuota RM10,000 unit PPAIM bagi anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Langkah menyediakan lebih banyak Rumah Transit Belia 1Malaysia turut di-

lakukan bagi memastikan fasa pertama dalam membentuk asas kehidupan mereka lebih terjamin.

Manakala bagi Teras 4 pula, 26 aspek utama Pemacuan Modal Insan dan Kecemerlangan Pendidikan diberi penekanan termasuk melengkapi lima juta pelajar dengan kemahiran digital Revolusi Perindustrian 4.0.

Ini merangkumi aspek penszaizan bilik darjah, mengurangkan beban kerja pentadbiran pendidik dan menyediakan peralatan bantuan mengajar lebih baik.

Usaha mempertingkatkan kemahiran bahasa Inggeris di sekolah menerusi Program Dwibahasa (DLP) serta Program Imersif Tinggi (HIP) turut diberi perhatian, selain memperkenalkan sekolah beraliran Inggeris di Sabah dan Sarawak sebagai projek rintis.

Seterusnya, mencerap lebih banyak fakta serta perspektif sejarah dari Sabah dan Sarawak untuk memantapkan sukatan pelajaran Sejarah, selain menubuhkan Institut Kajian Peribumi dan Penduduk Asli di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) serta Universiti Malaysia Sabah (UMS).

FAKTA
Had hidup perumahan terbengkalai naik dari RM70,000 kepada RM120,000